

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 50 RABU 10 DISEMBER, 1969

1389 رابو 30 رمضان PERCHUMA

D.Y.M.M. ANUGERAHKAN GELARAN DULI PENGIRAN PERDANA WAZIR KAPADA DULI PG. TEMENGGONG

BANDAR BRUNEI. — Dengan perkenan dan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam Majlis Mashurat Di-Raja, Baginda dengan sukachita akan menganugerahi gelaran kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah ibni Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, DK., PHBS., menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar.

Istiadat mengorniakan gelaran dan mengarak akan di-langsungkan dalam bulan Januari tahun hadapan. Tarikh-nya akan di-tetapkan kemudian.



Uchap Selamat Hari Raya kpd. D.Y.M.M. di-London

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menerima penyembahan kawat ucapan Selamat Hari Raya dari semua pegawai dan kaki tangan kerajaan, yang di-kiriskan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohamed Taib bin Awang Besar.

Beliau juga telah mengiriskan kawat ucapan yang sama kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dan Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dalam jawapan Baginda kapada ucapan Selamat Hari Raya itu, Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan terima kasih kapada mereka kerana patuh dan menunaikan tugas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan juga mengucapkan terima kasih atas segala ucapan Selamat Hari Raya yang telah dan yang akan di-terima baik dengan jalan persendirian atau dengan jalan satu2 jabatan.

Di-samping itu Duli Yang Teramat Mulia mengucapkan Selamat Hari Raya kapada mereka itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan rombongan sekarang ini berada di-London untuk mengadakan rundingan dengan menteri2 kerajaan British, mengenai perhubungan masa hadapan Negeri Brunei dengan Britain.



"Seluruh kaki-tangan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, khas-nya dari Pengarah dan Timbalan Pengarah JPP serta kaki-tangan Bahagian Akhbar mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada seluruh umat Islam — dan dipuhonkan ma'af atas segala kekhilapan".

593 orang anak yatim terima hadiah Hari Raya

BANDAR BRUNEI. — Saramai 593 orang anak yatim di-Daerah Brunei-Muara telah menerima hadiah Hari Raya dari Jawatankuasa derma Hari Raya pada hari Sabtu lepas.

Derma yang berupa wang tunai itu telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohammad Yusof dalam satu upacara yang telah di-adakan di-Madrasah, Bandar Brunei.

Wang tersebut telah di-kutip oleh Jawatankuasa Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara yang di-Pengerusikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Muda Kemaluddin.

Gambar menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohammad Yusof sedang menyampaikan derma tersebut kapada salah sa-orang anak yatim.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari para hadirin yang menyaksikan peraduan tersebut sementara gambar kanan persembahan nashid sa-belum peraduan di-mula-kan.

Pesanan bagi pokok2 Keristmas

BANDAR BRUNEI. — Pesanan bagi pokok2 Keristmas sa-tinggi enam kaki atau lebih boleh di-buat sekarang kepada Jabatan Hutan di-Bandar Brunei.

Pokok2 yang tidak berakar akan berharga \$10.00 atau lebih bergantung kepada besarnya dan hendaklah di-ambil pada 23 Disember.

Pemangku Pemelihara Hutan, Tuan I. P. Tamworth berkata, orang2 persaorangan boleh memotong Pokok Keristmas di-hutan di-antara Batu 33 dan 37 di-sepanjang Jalan Kuala Belait.

Sa-batang pokok berharga \$5.00 dan pembayaran hendaklah di-buat terlebih dulu di-mana2 Pejabat Hutan atau tempat pemereksaan hutan pada atau sa-belum 24 Disember.

Risit2 bagi pembayaran itu hendaklah di-tunjukkan kepada pegawai2 hutan yang bertugas apabila memotong pokok2 itu.

Tuan Tamworth berkata, pokok2 Keristmas yang belum di-potong juga di-jual dengan harga \$5.00 di-tempat pemereksaan hutan di-Sungai Liang dari 22 hingga 24 Disember.

10 orang penuntut balek berchuti

BANDAR BRUNEI. — Saramai 10 orang penuntut Brunei yang belajar di-Sekolah Perempuan Tunku Ampuan Mariam di-Johore Bahru telah pulang ka-tanah ayer hari Khamis lepas kerana menghabiskan chuti hujung tahun bersama dengan keluarga mereka. Mereka ia-lah Zainab binte



Panggilan2 talipon semasa Keristmas

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Talikom di-Bandar Brunei sekarang menerima tempahan bagi panggilan2 talipon semasa Keristmas.

Keputusan itu berikutan penerimaan ma'alumat dari Jabatan Talikom Malaysia di-Kuala Lumpur bahawa ia-nya sekarang menerima tempahan dari Brunei bagi panggilan2 seberang laut semasa Keristmas.

Pemangku Pengawal Talikom, Awang R. J. Bell menasihatkan pelanggan2 Brunei, supaya menempah awal supaya jangan kechewa.

Beliau meminta orang2 yang ingin berbuat demikian su-

paya memberi keterangan2 yang di-kehendaki bagi panggilan2 itu kepada Pejabat Talikom di-Bandar Brunei.

Malam Taridra anjoran PERDA

TUTONG. — Sa-buah derama sejarah yang berjudul 'Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela' karya Awang Mohammad bin Haji Serudin akan di-pentaskan dalam Malam Taridra pada hari Ahad 14 Disember ini.

Pementasan derama tersebut ada-lah kemunchak dari beberapa acara yang akan di-persembahkan dalam Malam Taridra anjoran Persatuan Pemuda Penanjong — PERDA.

Persembahan2 yang di-adakan bersempena menyambut Hari Raya itu termasuk-lah tari2an, nyanyi2an, membaca sajak dan memilih Ratu Feshen Hari Raya.

Orang ramai, penduduk2 kampung yang berhampiran khas-nya ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan persembahan2 pada malam itu.

Wakil PERANGKAP johan membacha Quran anjoran KEMUKA

BANDAR BRUNEI. — Lima belas orang qari dan qariah yang mewakili lapan buah persatuan belia telah mengambil bahagian dalam pertandingan membacha Al-Quran anjoran Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pinggai ayer KEMUKA pada hari Juma'at lepas.

Peraduan yang julong2 kalinya di-anjarkan oleh persatuan tersebut ada-lah terbuka kepada ahli2 persatuan belia di-Daerah Brunei-Muara.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Kadzi Besar Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Seruddin.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut:

Bahagian lelaki: — Pertama — Awang Johari bin Pehin Bendahari Awang Haji Omar dari Persatuan PERANGKAP; kedua — Awang Rosli bin Haji Bolaji dari PERKASA dan ketiga Awang Tersat bin Haji Abdul Latif dari persatuan KEMUKA.

Bahagian perempuan: — Pertama — Dayang Isah binte Abdul Rahman dari persatuan KEMUKA; kedua — Dayang Nauyah binte Munap dari persatuan INSAP dan ketiga Dayang Hajjah Halimah binte Haji Matrais dari persatuan PERKASA.

Satu usul di-luluskan

KUALA BELAIT. — Majlis Meshuarat Daerah Belait telah mengadakan sidang bulannya di-bilik persidangan pejabat2 kerajaan di-Kuala Belait pada hari Sabtu lepas di-penguruskan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Sidang itu telah meluluskan satu usul yang di-bentangkan oleh Awang Harith bin Bong-su, ahli bagi Pekan Belait yang meminta kerajaan supaya mengadakan tempat orang ramai berjalan kaki di-kiri dan kanan sepanjang Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.

Awang Harith berkata, Jalan Bunga Raya sentiasa sebak dengan kenderaan dan orang2 yang berjalan kaki ada-lah sentiasa dalam bahaya dari kena langgar oleh kereta2 yang melalui.

Beliau berkata, batasan2 rumput di-sepanjang jalan itu ada-lah basah dan lumpur semasa musim hujan dan orang2 yang berjalan kaki terpaksa berjalan di-atas jalan raya.

HENDAK-lah tuan2 mengerjakan amal ibadat dengan baik muga2 mendapat genjaran dan keredhaan Allah, barang di-ketahui bahawa di-antara kewajiban kita dan termasuk di-dalam rukun Islam ia-lah zakat fitrah. Zakat Fitrah ada-lah di-wajibkan kepada semua orang2 Islam dan orang2 yang bertanggung wajib mengeluarkan zakat fitrah orang2 yang di-tang-gong-nya sa-banyak satu gantang baghdad dan jika dengan timbangan di-negeri kita ini ia-lah tiga kati dua belas tahlil beras atau di-keluarkan dengan harga beras itu dan di-Brunei telah pun di-tetap-kan oleh Kerajaan ia-itu di-Bandar Brunei \$1.56½, kawasan Muara dan Tu-tong \$1.59 manakala ka-wasan Seria, Belait dan Temburong ia-lah \$1.62½.

Tujuan mengeluarkan zakat fitrah ini dan masa-nya ada di-tentukan dan tidak-lah dapat sesuka hati sahaja. Menurut sa-buah hadith yang di-riwa-yatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majh yang ber-maksud:

"Rasulullah s.a.w. telah mer-merdukan zakat fitrah men-jadi membersehad badan orang yang berpuasa, daripada ke-silapan dan terlanggar hukum dan sa-bagai memberi makan bagi orang miskin, maka barang siapa yang mengeluarkan-nya sa-belum sembahyang Hari Raya, maka itu ada-lah zakat yang di-terima dan siapa2 yang mengeluarkan sa-

ZAKAT FITRAH PEMBERSEH BADAN ORANG2 YANG BERPUASA

KHUTBAH JUMA'AT

Barang siap yg. mengeluarkan-nya sa-belum sembahyang Hari Raya, maka itu ada-lah zakat fitrah yang di-terima. Dan siapa2 yg. mengeluarkan sa-sudah sembahyang itu ada-lah sedekah biasa.

sudah sembahyang itu ada-lah sedekah biasa".

Dari maksud hadith di-atas bahawa faham-lah kita yang zakat ada-lah zakat yang di-tentukan masa mengeluarkan, oleh itu hendak-lah kita men-geluarkan di-masa2 yang di-

tentukan supaya kita tidak di-hitong chuai yang mana akan membawa kepada kerugian.

Juga zakat fitrah ini ada-lah membersehadkan segala perkara2 yang di-lakukan oleh orang yang berpuasa sa-lama sa-bulan Ramadhan itu perkara2 yang boleh menghilangkan pahala puasa oleh sebab ter-silap atau terlanggar hukum2 puasa. Dan di-samping mem-bersehadkan diri yang mana faedah-nya itu kepada orang2 yang mengeluarkan juga akan mendapat faedah bersama ia-lah orang2 fakir miskin dan orang2 yang berhak menerima zakat fitrah menolong mereka di-dalam kesempitan makan-an di-dalam menyambut Hari Raya yang hari untuk ber-gembira, tidak-lah dapat di-sangkal lagi bahawa orang yang kurang bernasib baik di-dalam mempunyai harta benda untuk di-buat belanja men-yambut Hari Raya saperti ini.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada seluruh kaum Muslimin supaya hendak-lah mengeluarkan zakat fitrah dengan segera dan harus di-keluarkan mulai awal Ra-madhan dan hendak-lah di-ingat jangan sampai menge-luarkan itu sa-sudah Hari Raya neschaya tidak-lah sam-pai kepada maksud apa yang di-katakan zakat fitrah, mu-ga2 kita mendapat rahmat dan juga berjaya membantu kaum Muslimin yang kurang bernasib baik ini bersama2 bersuka ria menyambut Hari Raya.

Wakil2 Brunei ka-pertandingan membacha Al-Quran pulang

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Qari dan sa-orang Qariah telah pulang ka-tanah ayer dari Malaysia Barat pada minggu lalu sa-lepas mewakili Brunei di-Pertandingan Mem-bacha Quran Antara Bangsa yang telah berlangsung di-Stadium Merdeka di-Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Damit bin Haji Kawang, Awang Morni bin Sanai dan Dayang Rasidah binte Juma'at.

Qari2 dan qariah itu telah di-temani oleh Awang Haji Mohamed Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohamed dan Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamed dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dayangku Hajjah Hanifah binte Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, yang juga pergi ka-Kuala

Lumpur di-tugaskan sa-bagai pengiring kepada qariah.

Sa-orang lagi pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Metali bin Mat Yassin yang di-undang oleh kerajaan Malaysia sa-bagai salah sa-orang pengadil dalam pertandingan itu juga telah pulang bersama2 qari2 dan qariah itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Dis. 1969 hingga ka-hari Selasa 16 Dis. 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
10 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
11 Dis.		12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
12 Dis.		12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
13 Dis.		12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
14 Dis.		12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
15 Dis.		12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19
16 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Peraduan bahath perengkat daerah anjoran PESAKA

KERIAM, TUTONG. — Per-aduan bahath siri pertama yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong—PESAKA telah di-adakan di-rumah persatuan itu pada hari Juma'at lepas.

Peraduan tahunan yang di-anjorkan oleh PESAKA itu

ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia di-seluruh negeri.

Pengerusi Peraduan, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohd. Safar berkata, Gerakan Persatuan Pemuda Sukarela — GPPS akan bertemu dengan Per-satuan Melayu Tanjong Maya

dalam peraduan perengkat akhir bagi Daerah Tutong pada 19 Disember ini.

Beliau menyatakan bahawa pasokan yang menang dalam peraduan itu nanti akan mewa-kili daerah ini ka-peraduan perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei tidak beberapa lama lagi.

10hb. Disember, 1969

UMAT ISLAM

"GELISAH"

FORAM "Kedudukan Umat Islam Dalam Perkembangan Dunia Moden" yang dianjurkan oleh Badan Penerangan Agama Islam bagi memperingati turunnya Al-Quran dapatlah dikatakan telah melahirkan saranan2 yang menjabarkan seluruh Umat Islam.

Pada keseluruhan-nya peserta2 Forum telah mengajak seluruh Umat Islam supaya sama2 mempertimbangkan dengan lebih teliti lagi akan kebenaran pandangan2 mereka yang sebulat kata berpendapat bahawa kedudukan Umat Islam tidak dapat dikatakan semakin maju dalam arus perkembangan dunia moden, bahkan dikatakan oleh sa-orang peserta bahawa Umat Islam sekarang dalam keadaan gelisah.

Akhir forum telah diserukan oleh pengerusi supaya Umat Islam sama2 mencari jalan untuk mengatasi kelemahan itu supaya Islam terlepas dari di-landa oleh keadaan gelisah itu.

Untuk mengurangkan kegelisahan itu, maka menjelang Hari Raya ini Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin telah mengutarakan empat perkara yang harus dilaksanakan terlebih dahulu.

Pertama: Umat Islam harus sama2 berkecimpung dan mencheburkan diri dengan yakin dalam lapangan ilmu pengetahuan moden termasuk ilmu sains dan teknologi. Kedua, perpaduan Umat Islam mesti kukuh. Ketiga: Islam mesti kuat dalam berbagai2 bidang. Ke-empat, Islam hendaklah kembali kepada keperibadian keIslaman mereka.

Ke-empat2 pandangan beliau itu tidak dapat di-nafikan sa-bagai satu sebab yang memang ada benar-nya mengapa Islam itu telah mengalami kemunduran. Sebab utama yang menyuarakan bahawa Umat Islam kurang berilmu membawa pengertian yang lebih luas dalam bidang2 ilmu pengetahuan dan penggunaan-nya serta penghargaan terhadap ilmu pengetahuan itu sendiri. Misalnya, kerap kali di-sarankan bahawa kebanyakan orang2 kita merasa sudah senang dengan ilmu di-dada, wal-hal ilmu itu masih perlu di-lengkapkan menurut perkembangan-nya.

Perpaduan ada-lah jurusan yang utama juga, kerana dari perpaduan itu akan dapat menimbulkan kekuatan yang sukar hendak di-ganggu-gugat dan di-yakini dapat menciptakan per-ekonomian yang kukuh.

Kejadian2 di-Timor Tengah ada-lah sepekerja yang sa-harus-nya tidak timbul dan seharusnya dapat di-atasi dengan sa-chepat mungkin. Dengan itu di-yakini tidak akan terjadi peristiwa2 yang lebih berat.

Yang penting sekarang bahawa untuk mencapai kapada saranan2 itu, maka harus ditubuhkan rasa kesedaran, mendalam dan sadar akan kelemahan sendiri dan hanya dengan rasa sadar dan insaf itu akan dapat menemui jalan yang lebih baik untuk kita berjalan terus ka-matalamat yang di-tuju.

ESOK seluruh Umat Islam di-negeri ini akan merayakan hari raya yang di-tunggu2 dan berbagai2 persediaan telah pun siap sedia untuk menyambut kedatangan hari yang mulia itu.

Masing2 menyediakan keperluan2 menurut kehendak hati. Ada yang menyambut sechra sederhana saja dan tidak kurang pula menyambut hari yang mulia itu sa-chara lebih meriah lagi dan untuk itu wang2 simpanan telah dikeluarkan dengan tidak teragak2 lagi.

Salah sa-orang rakan yang nama-nya di-rahsiaikan telah menyatakan bagaimana dia berbelanja tahun ini sa-hingga dia tak sedar yang wang simpanan-nya dalam bank hanya tinggal dua ringgit sahaja lagi.

Dia sa-olah2 berbangga apabila bercherita tentang bagaimana dia membeli kerusi satu set yang bertilam empok yang di-dakwa-nya sa-bagai buatan yang paling baru. Dan lebih serunok lagi bila dia bercherita tentang warna dan mutu kain langsir yang di-beli-nya dan juga bagaimana dia menyebarkan pelayan kedai untuk mencharikan lampu2 chuchul. Dia amat senang dengan warna merah, kata-nya, dan dia suka melihat bagaimana pekdai itu sebak memanjat2 almari untuk mencharikan-nya valve lampu warna merah pekat.

Bahagian ini tidak bagitu penting hendak di-elaborate, kerana kadang2 ada persamaan dengan orang lain dan kadang2 pula terasing dari yang lain. Biasa-nya sa-saorang yang mempunyai hobby yang sa-umpama itu tidak akan mengira tentang perbelanjaan dan tidak juga mengeloh berapa banyak wang yang dikeluarkan untuk menurut kehendak hobby mereka itu.

Tetapi rakan ini berlainan sedikit. Dia sa-olah2 menyesal dengan wang-nya yang berjumlah hampir2 seribu ringgit itu yang telah di-ranggut oleh kerusi satu set, kain langsir dan valve2 lampu tadi. Pada hal, menurut rakan itu, kerusi satu set yang di-beli-nya tahun lalu masih baik benar dan harga-nya tak jauh beza-nya dengan yang baru di-beli-nya itu. Begitu juga kain langsir tahun lepas, masih boleh di-gunakan tahun ini dan warna-nya pun merah juga. Chuma, kata-nya lampu2 chuchul yang perlu diganti, kerana telah banyak yang terbakar.

Akhir-nya ketara-lah kesal-nya itu bila dia menyebut yang wang simpanan-nya telah habis dan niat-nya hen-

SEDIKIT CHORAT CHORIT HARI RAYA

Oleh: PENULIS KITA



Beberapa orang gadis sunti sedang sebak membuat kueh mueh yang bakal di-hidangkan di-Hari Raya ini.

dak berchuti keluar negeri tahun depan terpaksa di-batalkan. Dia belum tahu lagi bagaimana reaksi isteri-nya terhadap perkara wang yang telah habis itu dan bagaimana pula reaksi sang isteri kerana tak jadi makan angin dalam bulan April ini.

Komen kita:

Seperkara yang amat jelas dari kesah di-atas bahawa rakan tersebut ternyata tidak menyediakan perangkaan yang sa-harus-nya di-buat terlebih dahulu. Perangkaan yang di-hitungkan dengan teliti itu akan boleh mendatangkan ketenangan kapada diri dan tidak mungkin menimbulkan kesesakan kemudian. Rakan ini ternyata telah dapat ditewaskan oleh pengaruh kebendaan yang melampau2 sa-hingga telah merosakkan penghidupan-nya. Dia terpaksa memulehkan jumlah wang yang telah habis itu dalam jangka yang panjang — itu pun tergantung kapada keadaan. Mungkin juga rakan ini terdurong oleh pengaruh2 keadaan keliling jiran2 tetangga-nya. Ini sudah termasuk kapada sifat yang ingin berlawan — lawanan yang pantang melihat jiran sa-belah menyebelah mempunyai kelebihan dari apa yang ada pada-nya.

Tapi rakan ini masih dapat dikatakan mempunyai nasib yang agak baik juga dan dia tidak menyusahkan diri-nya

dengan bebanan2 yang lebih berat dari itu. Dia tidak berhutang kapada siapa pun kecuali berhutang pada diri-nya sendiri ia-itu berhutang kapada kira2 simpanan-nya. Kalau dia mahu dia akan membayar balek dengan chara menyimpan sa-bahagian dari wang gaji-nya pada tiap2 bulan dan kalau keadaan-nya terdesak, simpanan itu boleh di-tanggohkan dengan tidak di-khuatirkan tentang gangguan2 seperti orang berhutang akan kena tagih kalau lambat membayar.

Walaupun demikian, orang yang sa-umpama ini masih dapat di-katakan sa-bagai orang yang kechewa menghadapi hidup-nya, kerana dia mudah kalah bila berhadapan dengan masalaah2 hidup dan dia tidak dapat menchari jalan yang lebih baik dan lebih sempurna untuk mengekalkan kestabilan hidup-nya.

Masalaah yang tersebut diatas ada yang mengaggap-nya sa-bagai satu masalaah yang ringan sahaja, kerana pergolakan masalaah itu tidak lari kemana2 dan terbata kapada keluarga yang satu itu sahaja. Tetapi masalaah ini tidak lagi ringan bentuk-nya kalau ia-nya sudah membiak kapada banyak keluarga. Kalau sudah banyak yang melakukan demikian,

(Lihat Muka 5)

SEDIKIT CHORAT CHORIT HARI RAYA

(Dari Muka 4)

apalagi yang tidak dapat lari dari amalan2 berhitung, maka masaalah itu bolen menjadi masaalah yang besar dan melibatkan kapada terganggu-nya keamanan negara.

Bukan menjadi satu perkara yang mustahil bahawa dari sebab2 di-atas itu akan timbul juga perompakan2 yang nanti-nya melibatkan pembunuhan2. Dan jika semua itu terjadi, maka susah-lah untuk mengharapkan menebal-nya kejujuran pada masyarakat kita, dan jika sudah kejujuran itu tipis, maka sukar-lah untuk mencapai ketinggian kapada nilai keperibadian bangsa yang berbudi pekerti, beradat lembaga dan berkebudayaan mulia.

Memang benar bahawa kedatangan hari raya harus disambut dengan semeriah-nya, kerana itu ada-lah merupakan kemunchak dari segala hari kegembiraan bagi Umat Islam sa-telah berjaya menungkgong diri dan berjuang mempertahankan diri dari godaan2 dunia ketika mengerjakan ibadah puasa yang mana ibadah puasa itu juga mendidik rohani supaya lebeh mendekatkan diri kapada Tohan dan supaya hidup kita tidak di-tunggangi oleh rasa kebongkakan, malah mendurong kita supaya berperilaku manusia.

Tetapi, ada-kah di-katakan wajar pula, bila kegembiraan itu di-turuti semau2-nya dan di-turut dengan chara yang melampau2 sa-hingga tidak sedar yang pada hari2 berikutnya di-nanti oleh pintu2 kesusahan yang terbuka lebar oleh tangan kita sendiri?



Dari sini-lah mustahak-nya kita meninjau dari sudut kehendak2 Islam dan dari tinjauan ini akan segera di-temuan jawapan-nya bahawa ada-kah perbuatan sa-umpama itu di-kehendaki atau se-balek-nya.

Islam sekali2 menegah bagi pengikut2-nya dari perbuatan2 yang membazir dan belanja dengan tidak mendaftarkan faedah, membangga2kan diri dan melakukan perbuatan2 yang bakal menyiksakan diri sendiri. Bagitu juga dengan keriaan yang melampaui batas yang mementingkan kapada keindahan dan perhiasan2 serta makanan2 yang menyebabkan timbul-nya kesusahan pada hari2 berikut-nya.

Hari Raya bukan-lah tujuan-nya untuk menunjok2kan

kelebehan sa-saorang itu yang boleh pula mempengaruhi kapada timbul-nya sifat berlawanan2. Hari Raya hanya sa-bagai menandakan keshukoran kita atas kemenangan2 yang kita perolehi sa-sudah mengerjakan ibadah puasa dan kerana itu kemenangan tersebut hanya akan benar2 di-katakan kemenangan jika ia-nva di-sambut dengan mengikuti kemampuan masing2 yang sekali2 tidak mempunyai ikatan2 hutang-piutang dan kesusahan2.

Komen akhir: Hari Raya harus-lah di-jaga kesucian-nya sesuai dengan hari kebesaran bagi Umat Islam dan sambutan2-nya di-selaraskan dengan kehendak2 Umma Islam baik dari segi keperluan2 keindahan-nya, lebeh2 lagi dari segi hidangan2 termasuk minuman.



Menjelang Hari Raya, rumah di-bersehhkan dari segala habok2 dan kotoran2 yang lain. Sambil bekerja sambil bergembira — apa lagi budak2 — bah timbul-lah 'uri' mereka (gambar atas.)

Kedai2 yang menjual alat2 perhiasan rumah seperti bunga2an, lampu2 chuchul, alas meja dan sa-umpama-nya ada-lah merupakan yang terakhir sekali bagi tumpuan orang ramai, kebanyakan-nya kaum ibu bagi melengkapkan perhiasan2 di-Hari Raya. Gambar atas menunjukkan sa-orang gadis sedang meneliti karangan bunga pelastik di-sabuah kedai di-Jalan Dato Marsal.

Johan2 Talentime 1969

BANDAR BRUNEI.—Freddie Lao dari Bandar Brunei telah menjadi johan penyanyi terbaik bahagian per-seorangan lelaki dalam peraduan memilih bakat atau Talentime tahun 1969 yang di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran Dan Penerangan dan Dewan Bahasa Dan Pustaka pada 6 Disember lalu.

Naib johan Robert Koh dan ketiga Awang Othman Paun, kedua2-nya dari Setia.

Bahagian per-seorangan wanita; Johan-Dayang Patong Ling; kedua Dayang Zainab Kadir dan ketiga Dayang An-

gela Then, kesemua-nya dari Setia.

Bahagian menyanyi kumpolan; Pertama-Pat dan Dil dari Setia; kedua-Freddie Lao dan Veronica Shim dari Bandar Brunei dan ketiga-Trios dari Setia-Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pengarah Jabatan Penyiaran Dan Penerangan Puan Gerard de Freitas.

Peraduan Talentime tahun 69 ini di-anjorkan oleh bahagian Inggeris Radio Brunei dan hasil kutipan dari penjualan tiket itu akan di-dermakan kapada Tabong Derma Kebajikan Gurkah.

Tahniah M.M.D. kpd.

Duli Pg. Temenggong

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Daerah Brunei Muara telah menguchapkan tahniah kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohamed Bolkiah yang telah di-anugerahkan dengan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Majlis menguchapkan tahniah tersebut dalam persidangan Majlis Meshuarat Daerah Brunei Muara yang berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dalam persidangan itu, dua usul yang di-kemukakan oleh Awang Mohamed Saidi bin Bugal, wakil kawasan Kilanas telah di-luluskan.

Awang Mohamed Saidi telah mengemukakan supaya kerajaan memberikan peluang kapada kaum2 peladang di-negeri ini membeli jentera2 pembajak sawah dengan perantaraan kerajaan sa-chara bayaran beransor dengan syarat pinjaman itu hendak-lah mempunyai jaminan yang cukup kapada kerajaan.

Uso1 yang kedua di-kemukakan oleh Awang Mohamed Saidi ialah meminta supaya kerajaan mengambil langkah yang tegas kapada rumah2 yang ada di-dirikan di-atas tanah kerajaan dan di-jadikan tempat2 berniaga oleh orang2 asing yang ada pada masa ini di-kawasan Bandar Brunei.

Di-majlis itu dua orang ahli telah mengemukakan soalan2 bertulis dan telah mendapat jawapan yang memuaskan.

Majlis itu di-akhiri dengan ucapan penanggoahan oleh beberapa orang ahli2 majlis.

Pepereksaan Dewan

Perniagaan London

dalam bulan

Mei 1970

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran sedang menyusun rancangan bagi di-adakan pepereksaan Dewan Perniagaan London dalam mata2 pelajaran di-tingkatan tinggi, menengah dan permulaan di-Brunei dalam bulan Mei 1970.

Mata2 pelajaran itu ia-lah menaip, pengiraan, trengkas dan ilmu menyimpan kira2.

Pepereksaan Tingkatan menengah dan permulaan adalah terbuka kepada semua chalun.

Dalam pepereksaan tingkatan tinggi hanya chalun2 yang berumur lebih dari 16 tahun sahaja akan di-terima.

Bayaran pepereksaan itu ia-lah \$10.00 bagi tiap2 mata pelajaran di-tingkatan permulaan, \$12.00 bagi menengah, \$15.00 bagi tingkatan tinggi dan \$5.00 bagi ujian kelajuan menaip di-tingkatan tinggi.

Borong2 masuk boleh di-dapati dari pusat2 pepereksaan di-Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Borang2 itu hendak-lah di-isikan dan di-hantar dengan bayaran-nya kepada Jabatan Pelajaran di-Bandar Brunei tidak lewat dari 20 Disember.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari anak2 yatim di-Kuala Belait sedang menunggu giliran mereka untuk menerima hadiah tersebut, sementara gambar bawah: Orang Kaya Indera Negara Awang Jaraie sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang anak yatim.



Hadiah2 Hari Raya

untuk anak2 yatim

di-Daerah Belait

KUALA BELAIT.—Anak2 yatim di-Daerah Belait telah menerima hadiah Hari Raya dalam satu upacara yang telah di-adakan di-bilik bacaan lama di-Kuala Belait pada hari Juma'at lepas.

Hadiah yang berupa wang tunai itu telah di-sampaikan oleh Orang Kaya Indera Negara Awang Jaraie bin O.K.S.M. Gador.

Wang derma itu telah dikutip oleh Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait bagi tahun yang ketiga.

Sa-lepas upacara menyampaikan hadiah di-Kuala Belait itu, wakil2 dari persatuan itu kemudian-nya pergi ka-Seria untuk menyampaikan hadiah2 kepada anak2 yatim di-Seria. Upacara penyampaian itu telah di-adakan di-Masjid Seria.

Sa-orang juruchakap Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait berkata, lebih dari 200 orang anak yatim di-Daerah Belait telah menerima hadiah2 pada tahun ini.

Malam kesenian dan kebudayaan anjoran

Jabatan Kebajikan Masharakat

BANDAR BRUNEI. — Lapangan belas buah persatuan belia akan mengambil bahagian dalam Malam Kesenian dan Kebudayaan yang akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Brunei pada 17 Disember ini.

Persembahan yang di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan Masharakat itu ada-lah yang julong2 kali di-adakan dalam tahun ini.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan ia-lah nyanyian2 dan tarian2 asli dan pementasan derama.

Persatuan yang mengadakan persembahan yang terbaik dalam tiap2 achara akan di-kehendaki mengulangi persem-

bahan itu di-Dewan Pusat Belia di-Bandar Brunei pada 20 Disember.

Ia-nya ia-lah untuk merayakan pembukaan rasmi pusat itu.

Empat belas buah persatuan belia akan bertanding dalam

nyanyian2 asli, lima dalam tarian asli dan lima dalam derama.

Tiket2 yang berharga \$1.00 untuk menyaksikan Malam Kesenian dan Kebudayaan itu boleh di-beli dari Jabatan Kebajikan Masharakat pada bila2 masa waktu bekerja.

Paras ayer di-kolam ayer Tasek bertambah

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Kerja Raya, Dato R. Waddel berkata bahawa paras ayer di-kolam ayer Tasek bertambah sedikit berikutan turun-nya hujan dalam beberapa hari yang lalu.

Tetapi walau bagaimana pun tambah beliau, ayer yang ada di-kolam itu belum lagi

menchukopi untuk menjamin bagi di-longgarkan sekatan bekalan ayer pada masa ini di-Bandar Brunei dan kawasan di-sekitar-nya.

Dato Waddel berkata, cha-tuan bekalan ayer yang berjalan sekarang hanya boleh di longgarkan jika hujan turun

terus menerus dalam masa sabulan lagi

Di-Pekan Tutong cha-tuan ayer telah di-batalkan. Ini ada-lah berikutan hujan turun dalam beberapa hari dalam minggu lepas dan ayer dalam kolam ayer di-Sungai Basong sekarang hampir melimpah.

301 orang lulus pepereksaan bahasa Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 301 orang penun-ut kelas dewasa telah berjaya dalam pepereksaan bahasa Inggeris yang telah di-adakan sa-rentak di-Daerah2 Brunei-Muara, Temburong, Tutong dan Belait baru2 ini.

Pepereksaan itu terbahagi kapada lima ia-itu Tingka-tan Dua, Tingkatan Satu, Tingkatan2 rendah enam, em-pat dan dua.

Sebelas orang chalun lulus dalam Tingkatan Dua, 24 orang lulus dalam Tingkatan Satu, 35 dalam tingkatan ren-dah enam, 105 tingkatan ren-dah empat dan 126 orang lu-lus dalam tingkatan rendah dua.

Sementara itu dalam pepe-reksaan bahasa Jepun pula sa-ramai 16 orang telah berjaya.

Pepereksaan itu telah di-jalan-kan di-Sekolah Melayu Pusu-r Ulak, Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Oktober lepas.

Dua belas orang chalun telah lulus pepereksaan itu dalam tingkatan dua dan empat orang dalam tingkatan rendah empat.



Awang Abdul Wahab Mohammad, Pemangku Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu dengan di-bantu oleh Dayang Maimunah sedang mengira wang hasil kutipan Ran-changan Lagu2 Permintaan bagi derma anak2 yatim yang di-anjor-kan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei bagi menyambut Hari Raya ini.

Ranchangan tersebut akan di-siarkan ka-udara selama tiga hari berturut mulai jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Ketika ranchangan itu ka-udara, orang ramai boleh juga meminta lagu2 kegemaran mere-reka melalui talipon dengan sha-

rat mereka telah mendaftarkan na-ma mereka dengan Bahagian Me-layu terdahulu sa-belum itu.

Suntekan cheghah kerongkong

KUALA BELAIT. — Rom-bongan penyuntek Jabatan Perubatan dan Kesihatan, telah memberikan ubat penchegeh penyakit kerongkong dose yang kedua, kapada kanak2 yang berumur ka-bawah se-puluh tahun di-26 buah kam-pong di-Ulu Belait.

Ubat dose yang pertama te-lah di-berikan dalam bulan September lepas. Sementara dose ketiga akan di-berikan, sa-lapas lima bulan kemu-dian.

Selain dari rombongan penyuntek itu, kerja2 mem-berikan ubat itu juga di-laku-kan oleh jururawat2 kesiha-tan di-klinik2 kawasan luar bandar, dan oleh rombongan perubatan yang menggunakan helikopter.

Sa-orang juruchakap jaba-tan itu berkata, ramai juga kanak2 yang telah di-berikan ubat2 penchegeh penyakit itu oleh dua rombongan tersebut.

Perubahan2 di-klinik kesihatan

BANDAR BRUNEI. — Jaba-tan Kesihatan dan Perubatan telah membuat jadual baru ranchangan-nya bagi per-khidmatan2 'ante-natal' dan klinik kesihatan kanak2 di-pusat kesihatan Rumah Sakit Besar Bandar Bru-nei, mulai dari 2 Januari tahun hadapan.

Jadual baru itu ada-lah sa-perti berikut:

Pada hari Isnin di-sebelah pagi ia-lah bagi ante-natal dan di-sebelah tengah hari-nya ia-lah klinik kandungan.

Pada hari Selasa di-sebelah pagi dan petang ia-lah klinik kesihatan kanak2.

Pada hari Rabu di-sebelah tengah hari, klinik 'ante-natal' kelas satu.

Pada hari Khamis dari pagi hingga petang ia-lah bagi klinik kesihatan kanak2, se-mantara di-sebelah tengah hari-nya klinik kandungan.

Pada hari Sabtu di-sepan-jang hari itu ia-lah klinik 'ante-natal' dan di-sebelah ten-gah hari-nya klinik kan-dungan.

Pepereksaan berakhir

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan mata2 pelajaran tunggal Royal Society of Arts yang bermula pada 18 November telah tamat pada hari Selasa lepas.

Sa-ramai 151 orang chalun telah mengambi pepereksaan itu.

Di-antara jumlah itu 52 orang telah mengambil pepereksaan di-Maktab SOAS di-Bandar Brunei, yang lain-nya di-Maktab Anthony Abell di-Seria.

Mata2 pelajaran itu ia-lah ilmu menyimpan kira2, trengkas, baha-sa Inggeris bagi orang2 asing, ilmu hisab satu dan dua, menaip dalam tiga peringkat — permu-laan, pertengahan dan tertinggi dan bahasa Inggeris satu dan dua.

Sambutan Hari Raya PEDUMAN

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan PEDUMAN akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada hari Ju-maat 19 Disember bertempat di-tanah lapang Kampong Pe-lambayan.

Sambutan itu akan di-mula-kan pada jam 2.30 petang de-ngan peraduan membacha ki-ta suchi Al-Quran bagi lelaki dan perempuan dewasa. Per-aduan ini hanya terbuka ka-pada ahli2 persatuan tersebut.

Achara dalam sambutan itu akan di-sambong semula pa-da sebelah malam-nya mulai

jam 7.30 malam dengan di-ada-kan berbagai2 persembahan. Antara-nya ia-lah peraduan lagu2 Brunei asli, pakaian be-ragam, nyanyian dan lawak jenaka.

Setia Usaha Peraduan, Awang Metali bin Ahmad me-nyeru kapada ahli2 persatuan PEDUMAN yang ingin men-gambil bahagian dalam per-aduan2 tersebut supaya meng-hantarkan permohonan kapada beliau.

Penduduk2 Kampong Pe-lambayan ada-lah di-jemput hadir untuk menyaksikan sambutan tersebut.

SI-TUYU oleh: M. Salleh Ibrahim



EMPAT PERKARA UNTUK UBATI KEADAAN GELISAH UMAT ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Ke-dudukan “gelisah” umat Islam sekarang ini seperti yang di-sarankan dalam majlis forum sambutan Nuzul Al-Quran yang lepas akan dapat di-ubati oleh empat perkara yang selaras dengan keadaan sekarang.

Ke-empat2 perkara bagi megubati kegelisahan Umat Islam itu telah di-utarakan oleh Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan-nya ketika merasmikan peraduan membacha Al-Quran bagi persatuan2 Belia Daerah Brunei dan Muara anjoran Persatuan KEMUKA yang di-adakan baru2 ini.

Dalam forum itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri telah menekankan bahawa perkembangan2 dunia sekarang telah menyebabkan Umat Islam sedang di-landa oleh keadaan yang gelisah dan perlu di-chari jalan untuk membebaskan Umat Islam dari berkeadaan demikian.

Ke-empat2 perkara yang di-utarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja untuk mengurangkan kegelisahan Umat Islam dalam keadaan dunia sekarang ia-lah yang pertama sekali dengan melengkapkan ilmu pengetahuan moden, ilmu sains dan teknologi; mengukuhkan perpaduan Umat Islam; mengukuhkan kekuatan Umat Islam dalam berbagai bidang; dan Umat Islam hendaklah kembali kepada keperibadian ke-Islaman mereka.

Beliau menekankan bahawa ada-lah perlu bagi Umat Islam untuk memperkayakan ilmu pengetahuan moden mereka, terutama dalam lapangan ilmu sains dan teknologi yang pada masa ini Umat Islam ternyata jauh ketinggalan.

“Selagi kita tidak dapat mencapai taraf ilmu pengetahuan dalam sa-genap bidang. Umat Islam akan terus ketinggalan dalam perkembangan dunia moden sekarang ini”, tegas beliau.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja telah membawa misal tentang masalah kewangan menerusi bank yang pada masa ini di-sifatkan beliau sa-bagai wajar bagi Umat Islam turut berkecimpung di-dalam-nya.

Berhubung dengan perkara ini, beliau telah juga menyen- toh tentang “riba” yang di-pertahankan-nya sa-bagai suatu hukum dalam Islam yang tidak siapa pun dari Umat Islam berani menghalalkan-nya.

Tetapi beliau telah mena- rek perhatian kepada masa- alah2 dharurat yang dalam perinsip agama keadaan dharurat ada-lah mengharuskan yang di-larang. Masalah ini juga, tegas-nya, telah di-sen- toh oleh Muktamar Islam sa- dunia yang di-adakan di-Kuala Lumpur tidak lama dulu.

“Kalau kita “terunggul2” sa-bagai sa-buah negeri yang tidak memasuki keadaan du- nia sekarang ini, umpama- nya masalah kewangan menerusi bank, maka kita akan ketinggalan dan ekonomi kita akan di-hisap keluar habis2-an”, ujar beliau.

Mengenai dengan soal per- paduan Umat Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Ka- ya Ratna Di-Raja telah me-

narek perhatian kepada kea- daan di-Timor Tengah dan menyebutkan tentang dua buah negara Arab — Yaman dan Saudi Arabia—yang ber- chakaran sama sendiri.

Kata-nya, pergolakan di- Timor Tengah itu ada-lah sa- bagai satu kerugian yang be- sar yang tidak mungkin dapat menimbulkan kemajuan yang lebeh pesat dan di-segani se- lagi keadaan demikian berla- rut2.

Dalam keadaan yang sema- kin mendesak ini, maka seha- rusnya-lah kita mencari ja- lan damai dan saterus-nya ber- usaha mengujudkan satu per- paduan Umat Islam yang be- sar dan kukuh.

Mengenai kekuatan Umat Islam, beliau mensifatkan Umat Islam sekarang bukan hanya lemah dalam soal per- senjataan, tetapi juga lemah dalam soal perekonomian sunggoipun satengah2 negara Islam mempunyai sumber2 kekayaan.

Beliau menyatakan bahawa dalam lingkungan ECAFE ada tiga buah negara Islam yang mempunyai sumber ke- kayaan dari hasil minyak-nya yang terbesar ia-itu Iran, In- donesia dan Brunei.

Tetapi beliau merasa kesal yang kuasa dan penguasaan minyak di- ketiga2 buah negara itu bukan di- tangan Umat Islam. Ini ada-lah menunjukkan yang kekuatan kita itu tidak ada.

Atas soal keperibadian Umat Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja me- nyeru supaya Umat Islam ber- pegang tegoh kepada keperibadian menurut ajaran2 Al-Quran.

HARI RAYA JATOH PADA HARI KHAMIS

BRUNEI BRUNEI. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Ukur telah tidak melihat anak bulan Shawal petang semalam.

Maka dari itu umat Islam di- negeri, ini akan meraikan Hari Raya pada hari Khamis, 11 Dis.

Sembahyang Hari Raya di-se- mua masjid di-negeri ini akan di- mulakan pada pukul 7.30 pagi.

Satu pengumuman Pejabat Setia- Usaha Kerajaan berkata, hari Kha- mis 11 Disember, Sabtu 13 Disem- ber ada-lah di-ishtiharkan hari ke- lepasan awam di-negeri ini.

Kesal kerana kurang ramai bertadarus

BANDAR BRUNEI.—Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin telah menyatakan kesal- nya atas kurang-nya sambutan bertadarus di-sepanjang bulan puasa ini.

“Di-waktu akhir2 ini, menu- rut penglihatan saya, majlis bertadarus sangat-lah kurang ramai-nya di-kunjongi oleh orang2 yang tahu membacha Al-Quran”.

Ini telah di-nyatakan beliau ketika merasmikan pembukaan peraduan membacha Al-Quran bagi persatuan2 Belia di-Dae- rah Brunei dan Muara yang di- anjarkan oleh KEMUKA da- lam minggu lepas.

Beliau berharap kepada Umat Islam yang tahu mem- bacha Al-Quran di-negeri ini supaya akan menumpukan per- hatian mereka untuk menyertai beramai2 majlis2 bertadarus yang di-adakan di-beberapa tempat di-negeri ini pada tahun depan.

Di-samping itu, Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja telah mengalu2kan langkah “KE- MUKA” mengadakan per- aduan tersebut yang menurut beliau bahawa dari usaha itu akan dapat menanamkan se- mangat chintakan Al-Quran dan memberi semangat kepada belia2 untuk tahu dan belajar membacha Al-Quran

Beliau juga memuji langkah tiga buah persatuan belia di- Kampong Ayer yang giat me- ngadakan peraduan membacha Al-Quran dan ketiga2 persa- tuan itu ia-lah Persatuan2 KEMUKA, PATUH dan IN- SAF.

Beliau mengharapkan supaya usaha2 yang mulia itu akan Al-Quran di-kalangan belia yang berkebolehan untuk di- ketengahkan ka - peraduan2 yang lebeh besar.

Chatuan ayer di-batal semasa Hari Raya

BANDAR BRUNEI.—Chatuan bekalan ayer di-kawasan Ban- dar Brunei akan di-longgarkan selama satu minggu semasa menyambut Hari Raya.

Pengarah Kerja Raya Dato R. Waddell berkata bekalan ayer itu akan terus di-buka hingga malam 15 Disember, dan sa-telah itu ayer akan di- chatu semula.

Setakat ini, paras ayer di- Kolam Ayer Tasek maseh be-

lum menchukopi tetapi sedikit bertambah berikutan turun-nya hujan baru2 ini, yang boleh memberikan sedikit kelonggar- an chatuan semasa menyambut Hari Raya.

Pengarah Kerja Raya mena- sehatkan pengguna ayer semasa bekalan di-buka seperti biasa, supaya berhati2 dalam meng- gunakan bekalan ayer dan su- paya ia-nya tidak terbuang.



Sa-orang pegawai di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Awang Bolhasan bin Md. Jair sedang memberikan resit fitrah kepada Awang Shawal Ahmad dari Kampong Kiarong yang menghantar fitrah-nya sakeluarga sa-chara langsung ka-Pejabat Ugama pada hari Isnin lepas.